



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

VERSI DALAM TALIAN TEKS CETAKAN SEMULA  
YANG KEMAS KINI

---

**Akta 290**

**AKTA UBAT (IKLAN DAN  
PENJUALAN) 1956**

*Sebagaimana pada 1 Mei 2013*

**AKTA UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) 1956**

Pertama kali diperbuat	... ..	1956 (F.M Ordinan No. 10 tahun 1956)
Disemak	... ..	1983 (Akta 290 m.b.p 18 Ogos 1983)

*CETAKAN TERDAHULU*

<i>Cetakan Pertama</i>	... ..	2001
<i>Cetakan Kedua</i>	... ..	2006

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 290****AKTA UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) 1956**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

## Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Larangan terhadap iklan yang berhubungan dengan penyakit tertentu
4. Larangan terhadap iklan yang berhubungan dengan keguguran
- 4A. Larangan terhadap iklan yang berhubungan dengan kemahiran atau perkhidmatan
- 4B. Iklan ubat hendaklah diluluskan
5. Peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 3, 4, 4A dan 4B
6. Menzahirkan kandungan ubat
- 6A. Pegawai diberi kuasa
- 6B. Kuasa menyiasat
- 6C. Pemeriksaan saksi
- 6D. Kuasa memasuki permis
- 6E. Penalti bagi menyekat atau menghalang seseorang pegawai diberi kuasa
- 6F. Sanksi untuk mendakwa dan penjalanan pendakwaan
7. Peraturan-peraturan

JADUAL



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 290

#### AKTA UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) 1956

Suatu Akta untuk mencegah iklan tertentu yang berhubungan dengan perkara perubatan dan untuk mengawal penjualan bahan-bahan yang disyorkan sebagai ubat.

[*Semenanjung Malaysia — 1 Oktober 1956,*  
*LN. 172/1956;*  
*Sabah dan Sarawak — 1 Januari 1976,*  
*P.U. (A) 400/1975]*

#### Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

#### Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bahan” termasuklah sesuatu sediaan;

“bahan yang disyorkan sebagai ubat” berhubungan dengan penjualan sesuatu artikel yang terdiri daripada atau mengandungi sesuatu bahan yang disyorkan sedemikian ertinya sesuatu bahan yang dirujuk—

- (a) pada artikel itu, atau pada mana-mana pembalut atau bekas dalam mana artikel itu dijual, atau pada mana-mana label yang dilekatkan pada, atau dalam mana-mana dokumen yang disertakan di dalam, artikel atau pembalut atau bekas itu; atau

- (b) dalam mana-mana plakad atau dokumen lain yang dipamerkan di tempat di mana artikel itu dijual; atau
- (c) dalam mana-mana iklan yang disiarkan selepas Akta ini diluluskan oleh atau bagi pihak pengilang artikel itu, atau orang yang menjalankan perniagaan itu dalam masa mana artikel itu telah dijual, atau, dalam hal di mana artikel itu di bawah surat gelaran berkeupayaan, empunya gelaran itu,

dalam keadaan yang direncanakan untuk mempengaruhi penggunaan bahan itu bagi mencegah atau merawat apa-apa penyakit, kelemahan atau kecederaan yang melibatkan tubuh manusia, bukan dalam keadaan yang memberi suatu benda yang jelas bahawa bahan itu dicadangkan untuk digunakan sebagai, atau sebagai sebahagian daripada, makanan atau minuman, dan bukan sebagai, atau sebagai sebahagian daripada, suatu ubat;

“berdaftar” digunakan bagi rujukan kepada seseorang yang mengamalkan sesuatu profesion ertinya didaftarkan di bawah peruntukan undang-undang yang sedang terpakai bagi pendaftaran orang yang mengamalkan profesion itu;

“gelaran berkeupayaan”, berhubungan dengan penjualan sesuatu artikel yang terdiri daripada atau mengandungi suatu bahan yang disyorkan sebagai ubat, ertinya perkataan atau perkataan-perkataan yang digunakan atau dicadangkan untuk digunakan berkaitan dengan penjualan artikel yang terdiri daripada atau mengandungi bahan itu bagi maksud menandakan bahawa ianya adalah barang-barang orang yang tertentu melalui pengilangan, pemilihan, pemerakuan, urusan dengan atau tawaran untuk jualan, dan perkataan “empunya”, berhubungan dengan sesuatu gelaran itu, ertinya orang yang barang-barangnya ditanda atau diniatkan untuk ditanda seperti yang tersebut dahulu oleh gelaran itu;

“hospital awam” termasuklah mana-mana klinik awam, dispensari awam atau institusi awam lain bagi penerimaan orang yang sakit sama ada sebagai pesakit dalam atau pesakit luar;

“hospital swasta” ertinya hospital yang didaftarkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971 [*Akta 43*];

“iklan” meliputi apa-apa notis, pekeliling, laporan, ulasan, risalah, label, pembalut atau dokumen lain, dan apa-apa pengumuman yang dibuat secara lisan atau melalui apa-apa cara mengeluarkan atau memancarkan cahaya atau bunyi;

“pegawai diberi kuasa” ertinya seorang ahli farmasi dalam perkhidmatan awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri di bawah seksyen 6A untuk menjalankan kuasa seorang pegawai diberi kuasa di bawah Akta ini;

“perkataan” termasuklah huruf dan angka;

“Senarai Racun” ertinya Senarai Racun dalam Jadual Pertama Akta Racun 1952 [*Akta 366*], atau peruntukan undang-undang bersamaan yang berkuat kuasa di Sabah atau Sarawak, mengikut mana yang berkenaan.

### **Larangan terhadap iklan yang berhubungan dengan penyakit tertentu**

3. (1) Tertakluk kepada Akta ini, tiada seseorang pun boleh mengambil apa-apa bahagian dalam penyiaran apa-apa iklan yang merujuk kepada mana-mana artikel, atau artikel daripada jenis itu sebagai suatu ubat, alat atau penyembuh bagi maksud—

- (a) mencegah atau merawat penyakit dan keadaan manusia seperti yang dinyatakan di dalam Jadual;
- (b) mengamalkan kontrasepsi di kalangan manusia;
- (c) memperbaiki keadaan atau perjalanan ginjal atau jantung manusia, atau memperbaiki fungsi seks atau prestasi seks manusia;
- (d) mengenal pasti sesuatu penyakit seperti yang dinyatakan dalam Jadual:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana iklan yang disiarkan oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau awam, atau oleh badan yang mentadbir sesebuah hospital awam atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa untuk menyiarkan iklan itu oleh Menteri.

(1A) Menteri boleh menambah kepada, memotong dari atau meminda Jadual dari semasa ke semasa dengan perintah.

(2) Dalam mana-mana prosiding bagi sesuatu pelanggaran terhadap peruntukan terdahulu dalam seksyen ini, adalah suatu pembelaan bagi orang yang dituduh untuk membuktikan bahawa iklan yang mengenainya prosiding itu berkaitan telah disiarkan hanya setakat yang semunasabahnya perlu untuk membawanya kepada perhatian orang dari kelas berikut atau seorang atau beberapa orang dari mereka, iaitu—

- (a) anggota pihak berkuasa tempatan atau awam;
- (b) anggota badan yang mentadbir sesuatu hospital awam;
- (c) pengamal perubatan berdaftar;
- (d) doktor pergigian berdaftar;
- (e) jururawat berdaftar dan bidan;
- (f) ahli farmasi berdaftar, ahli kimia serta pemborong dan peniaga runcit racun yang dilesenkan di bawah Akta Racun 1952, atau undang-undang bersamaan yang berkuat kuasa di Sabah atau Sarawak, mengikut mana yang berkenaan, untuk menjual racun yang disenaraikan dalam Bahagian I Senarai Racun;
- (g) orang yang sedang menjalani latihan dengan tujuan untuk menjadi pengamal perubatan berdaftar, doktor pergigian berdaftar, jururawat berdaftar atau ahli farmasi berdaftar atau ahli kimia.

### **Larangan terhadap iklan berhubung dengan keguguran**

4. Tertakluk kepada Akta ini, tiada seorang pun boleh mengambil apa-apa bahagian dalam penyiaran apa-apa iklan yang merujuk kepada apa-apa artikel, atau artikel-artikel daripada apa-apa jenis, dalam keadaan yang direncanakan untuk mempengaruhi penggunaan artikel atau artikel-artikel daripada jenis itu bagi menyebabkan keguguran pada wanita.

### **Larangan terhadap iklan yang berhubung dengan kemahiran atau perkhidmatan**

4A. Tertakluk kepada Akta ini, tiada seorang pun boleh mengambil bahagian dalam penyiaran apa-apa iklan—

- (a) yang merujuk kepada apa-apa kemahiran atau perkhidmatan yang berhubung dengan rawatan, pencegahan atau diagnosis bagi apa-apa ailmen, penyakit, kecederaan, kelemahan atau keadaan yang melibatkan tubuh manusia; dan
- (b) yang dapat mendorong, atau yang mengandungi pelawaan, sama ada nyata atau tersirat, kepada, mana-mana orang untuk mendapatkan nasihat pengiklan atau mana-mana orang yang dirujuk dalam iklan itu berkaitan dengan kemahiran atau perkhidmatan itu:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidaklah terpakai bagi apa-apa iklan yang disiarkan—

- (aa) dengan kelulusan Menteri, oleh mana-mana badan profesional yang berhubung dengan profesion perubatan atau dengan mana-mana profesion berkaitan yang lain yang ditubuhkan oleh atau didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau
- (bb) dengan kelulusan Lembaga Iklan Ubat yang ditubuhkan oleh Menteri, oleh mana-mana hospital swasta atau oleh

mana-mana—

- (i) klinik swasta;
- (ii) klinik radiologi swasta;
- (iii) makmal perubatan swasta,

yang dikendalikan oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar yang mempunyai perakuan pengamalan tahunan yang sah di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*].

### **Iklan ubat hendaklah diluluskan**

**4B.** (1) Tiada seseorang pun boleh mengambil apa-apa bahagian dalam penyiaran apa-apa iklan yang merujuk kepada apa-apa artikel, atau artikel-artikel daripada apa-apa jenis, dalam keadaan yang direncanakan untuk mempengaruhi penggunaan artikel atau artikel-artikel daripada jenis itu sebagai ubat, alat atau penyembuh, bagi maksud merawat atau mencegah penyakit atau keadaan manusia selain penyakit dan keadaan yang dinyatakan dalam subseksyen 3(1), melainkan jika iklan itu telah diluluskan oleh Lembaga Iklan Ubat.

(2) Apa-apa iklan yang dicadangkan untuk disiarkan boleh dikemukakan kepada Lembaga Iklan Ubat untuk kelulusan dalam cara yang diperuntukkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 7.

### **Peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 3, 4, 4A dan 4B**

**5.** (1) Jika mana-mana orang melanggar mana-mana peruntukan seksyen 3, 4, 4A dan 4B, tertakluk kepada peruntukan Akta ini, dia boleh dikenakan atas sabitan terus—

- (a) bagi sabitan pertama, denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya; dan

- (b) bagi sabitan yang berikutnya, denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika, dalam mana-mana prosiding bagi pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan seksyen 3, 4 dan 4B dibuktikan—

- (a) bahawa sesuatu iklan disiarkan merujuk kepada apa-apa artikel, atau artikel-artikel daripada apa-apa jenis, dalam keadaan yang direncanakan untuk mempengaruhi penggunaan artikel atau artikel-artikel daripada jenis itu—

- (i) bagi pelanggaran terhadap seksyen 3, untuk rawatan ke atas manusia bagi penyakit-penyakit seperti yang disebut dalam subseksyen (1) seksyen itu;

- (ii) bagi pelanggaran terhadap seksyen 4, bagi menyebabkan keguguran pada wanita; atau

- (iii) bagi pelanggaran terhadap seksyen 4B, bagi merawat atau mencegah penyakit atau keadaan manusia selain penyakit dan keadaan yang dinyatakan dalam subseksyen 3(1);

- (b) bahawa iklan itu juga merujuk kepada artikel atau artikel-artikel dalam keadaan yang direncanakan untuk menandakan bahawa artikel atau artikel-artikel itu dikilangkan, dihasilkan, diimport, dijual atau ditawarkan untuk dijual oleh orang yang dituduh,

maka, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, ianya hendaklah dianggapkan bagi maksud prosiding itu bahawa orang itu mengambil bahagian dalam penyiaran iklan itu, tetapi tanpa menjejaskan liabiliti mana-mana orang lain.

(2A) Jika dalam mana-mana prosiding bagi pelanggaran terhadap seksyen 4A, dibuktikan bahawa sesuatu iklan disiarkan merujuk kepada apa-apa kemahiran atau perkhidmatan dalam keadaan yang

direncanakan untuk menandakan bahawa kemahiran atau perkhidmatan itu diperuntukkan oleh orang yang dituduh, maka, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, ianya hendaklah dianggapkan bagi maksud prosiding ini bahawa orang yang dituduh itu mengambil bahagian dalam penyiaran iklan itu, tetapi tanpa menjejaskan liabiliti mana-mana orang lain.

(3) Dalam mana-mana prosiding bagi pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan seksyen 3, 4 dan 4B, adalah suatu pembelaan bagi orang yang dituduh untuk membuktikan—

- (a) bahawa iklan yang mengenainya prosiding itu berkaitan telah disiarkan dalam hal keadaan bahawa dia tidak mengetahui dan tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dia telah mengambil bahagian dalam penyiaran itu; atau
- (b) bahawa iklan tersebut telah disiarkan hanya dalam suatu penerbitan yang bersifat teknik yang dicadang diedarkan terutamanya di kalangan orang daripada kelas-kelas berikut, atau seorang atau beberapa orang dari mereka, iaitu—
  - (i) pengamal perubatan berdaftar;
  - (ii) doktor pergigian berdaftar;
  - (iii) jururawat berdaftar dan bidan;
  - (iv) ahli farmasi berdaftar, ahli kimia serta pemborong dan peniaga runcit racun yang dilesenkan di bawah Akta Racun 1952, atau undang-undang bersamaan yang berkuat kuasa di Sabah atau Sarawak, mengikut mana yang berkenaan, untuk menjual racun yang disenaraikan dalam Bahagian I Senarai Racun;
  - (v) orang yang sedang menjalani latihan dengan tujuan untuk menjadi pengamal perubatan berdaftar,

doktor pergigian berdaftar, jururawat berdaftar atau ahli farmasi berdaftar atau ahli kimia.

(4) Dalam mana-mana prosiding bagi pelanggaran terhadap seksyen 4A, adalah suatu pembelaan bagi orang yang dituduh untuk membuktikan bahawa iklan yang mengenainya prosiding itu berkaitan telah disiarkan dalam hal keadaan bahawa dia tidak mengetahui dan tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dia telah mengambil bahagian dalam penyiaran itu.

### **Menzahirkan kandungan ubat**

6. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiada seseorang pun boleh—

- (a) menjual dengan secara runcit apa-apa artikel yang terdiri daripada atau mengandungi suatu bahan yang disyorkan sebagai ubat; atau
- (b) membekalkan mana-mana artikel sedemikian sebagai suatu sampel bagi maksud mendorong orang untuk membeli secara runcit bahan yang daripadanya ianya terdiri atau terkandung,

melainkan jika ada tertulis di dalam bahasa Inggeris atau bahasa Kebangsaan supaya dapat dibaca dengan terang pada artikel itu atau sesuatu label yang dilekatkan padanya, atau, jika artikel itu dijual atau dibekalkan sebagaimana tersebut dahulu di dalam suatu bekas, pada bekas atau suatu label yang dilekatkan padanya, atau, jika artikel itu dijual atau dibekalkan sebagaimana tersebut dahulu dalam lebih daripada satu bekas, pada bahagian dalam bekas itu atau suatu label yang dilekatkan padanya—

- (i) gelaran yang diuntukkan bagi bahan yang disyorkan sedemikian, atau bagi tiap-tiap jujuk yang aktif baginya, atau bagi tiap-tiap ramuan daripada mana ianya telah disebatikan; dan

- (ii) dalam hal di mana gelaran yang diperuntukkan bagi tiap-tiap juzuk yang aktif atau bagi ramuan itu ditulis sebagaimana tersebut dahulu, butiran kuantitatif yang diuntukkan bagi juzuk atau ramuan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana artikel yang dibuat dan dibekalkan bagi kegunaan seseorang yang tertentu, sebagai suatu artikel yang dipreskripsikan dengan merujuk kepada keperluan orang itu.

(2) Dalam subseksyen yang terdahulu—

(a) ungkapan “gelaran yang diuntukkan”, berhubung dengan suatu bahan, juzuk atau ramuan, ertinya—

- (i) dalam hal di mana bahan, juzuk atau ramuan itu adalah racun yang termasuk di dalam Senarai Racun, nama dengan mana bekas racun yang pada masa itu dikehendaki dilabel atau ditanda menurut subperaturan 10 (1) dan Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Racun 1952 [*L.N.440/1952*], atau undang-undang bersamaan yang berkuat kuasa di Sabah atau Sarawak, mengikut mana yang berkenaan;
- (ii) dalam hal di mana bahan, juzuk atau ramuan itu bukannya racun dan dihuraikan dalam mana-mana monograf yang terkandung di dalam edisi *British Pharmacopoeia* atau *British Pharmaceutical Codex* yang terakhir disiarkan sebelum tarikh artikel itu dijual atau dibekalkan, huraian yang dibentangkan di kepala monograf itu;
- (iii) dalam hal di mana bahan, juzuk atau ramuan itu bukannya racun, dan tidak dihuraikan seperti dalam subperenggan (ii) perenggan ini, nama saintifik yang diterima, atau nama lain yang

menghuraikan sifat sebenar bahan, juzuk atau ramuan itu;

(b) ungkapan “butiran kuantitatif yang diuntukkan”, berhubung dengan juzuk yang aktif atau ramuan sesuatu bahan, ertinya—

(i) anggaran peratus bagi tiap-tiap juzuk atau ramuan yang terkandung di dalam bahan itu atau anggaran kuantiti bagi tiap-tiap juzuk atau ramuan yang terkandung di dalam artikel yang dijual atau dibekalkan itu; atau

(ii) dalam hal di mana artikel itu terdiri daripada atau mengandungi beberapa bahagian berasingan bahan itu, sama ada anggaran peratus atau kuantiti yang tersebut dahulu, atau anggaran kuantiti bagi tiap-tiap juzuk atau ramuan yang terkandung dalam tiap-tiap bahagian; dan

(c) perkataan “bekas” termasuklah sesuatu pembalut.

(3) Jika mana-mana orang menjual atau membekalkan sesuatu artikel melanggar dengan peruntukan yang terdahulu bagi seksyen ini, tertakluk kepada Akta ini, dia boleh dikenakan atas sabitan terus—

(a) bagi sabitan pertama, denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit; dan

(b) bagi sabitan yang berikutnya, denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit, atau penjara selama tempoh yang tidak lebih daripada enam bulan, atau kedua-duanya.

### **Pegawai diberi kuasa**

**6A.** Menteri boleh memberi kuasa secara bertulis mana-mana ahli farmasi di dalam perkhidmatan awam untuk menjalankan kuasa seorang pegawai diberi kuasa di bawah Akta ini.

### **Kuasa menyiasat**

**6B.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh, melalui perintah bertulis, menghendaki supaya hadir di hadapannya mana-mana orang yang, daripada maklumat yang diberikan atau selainnya, didapati tahu tentang hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh dikehendaki di bawah seksyen ini melakukan perjalanan yang lebih daripada dua belas kilometer dari tempat tinggalnya yang biasa, tidak termasuk apa-apa bahagian perjalanan itu yang boleh dilakukan dengan keretapi, motokar atau kenderaan lain.

(3) Jika mana-mana orang enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2), maka pegawai berkuasa yang mengeluarkan perintah itu boleh melaporkan keengganan itu kepada Majistret yang boleh sesudah itu, mengikut budi bicaranya, mengeluarkan waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

### **Pemeriksaan saksi**

**6C.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat penyiasatan di bawah seksyen 6B boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangka tahu semua fakta dan keadaan hal itu.

(2) Orang itu hendaklah terikat untuk menjawab semua soalan berhubungan dengan hal yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai itu:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan jika pegawai itu gagal atau enggan apabila diminta

mengemukakan kepadanya kuasa secara bertulis yang diberi oleh Menteri kepada pegawai itu di bawah seksyen 6A dan orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang mana jawapannya mempunyai kemungkinan menyebabkan dirinya terdedah kepada tuduhan jenayah atau penalti atau lucut hak.

(3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan sesuatu yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan-soalan.

(4) Seorang pegawai diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah pada mulanya memberitahu orang itu peruntukan-peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, pada bila-bila masa yang boleh, diturunkan secara bertulis dan, selepas ianya dibaca kepada orang itu dalam bahasa pernyataan itu dibuat dan dia telah diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang diingini, hendaklah ditandatangani olehnya atau dibubuh cap ibu jarinya.

### **Kuasa memasuki premis**

**6d.** Apabila seseorang pegawai diberi kuasa mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah atau sedang dilakukan dalam mana-mana premis atau yang berkaitan dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan di atas mana-mana premis, dia boleh pada bila-bila masa yang munasabah memasuki, menggeledah dan memeriksa premis itu dan boleh menyiasat, mengalih dan menahan apa-apa iklan, buku, kelengkapan atau artikel lain yang dijumpai di dalamnya yang mana pada pendapat pegawai itu boleh menjadi bukti mengenai pelakuan kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

### **Penalti bagi menyekat atau menghalang seseorang pegawai diberi kuasa**

**6E.** Mana-mana orang yang menyekat atau menghalang seseorang pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan tugasnya di bawah Akta ini apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

### **Sanksi untuk mendakwa dan penjalanan pendakwaan**

**6F.** (1) Tiada apa-apa pendakwaan boleh dimulakan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya tanpa sanksi bertulis daripada Pendakwa Raya.

(2) Pendakwaan berkenaan dengan kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dijalankan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa.

### **Peraturan-peraturan**

**7.** Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan maksud Akta ini tetapi tanpa menyentuh keluasan perkataan terdahulu, peraturan-peraturan itu boleh—

- (a) bagi maksud seksyen 4<sub>A</sub> dan seksyen 4<sub>B</sub>, menubuhkan Lembaga Iklan Ubat;
  - (b) memperuntukkan cara mengemukakan iklan untuk diluluskan di bawah seksyen 4<sub>A</sub> dan mengenakan fi bagi pengemukaan dan kelulusan iklan itu;
  - (c) memperuntukkan tatacara yang akan diikuti oleh Lembaga Iklan Ubat; dan
  - (d) memperuntukkan cara membuat rayuan terhadap keputusan Lembaga Iklan Ubat dan rayuan itu hendaklah dibuat kepada Menteri.
-

JADUAL

[Seksyen 3]

1. Penyakit atau kecacatan ginjal.
2. Penyakit atau kecacatan jantung.
3. Diabetes.
4. Epilepsi atau sawan.
5. Kelumpuhan.
6. Tibi.
7. Asma.
8. Kusta.
9. Kanser.
10. Kepekakan.
11. Ketagihan dadah.
12. Hernia atau pecah.
13. Penyakit mata.
14. Hipertensi.
15. Sakit otak.
16. Kemandulan.
17. Kaku.
18. Lemah fungsi seks atau mati pucuk.
19. Penyakit venerous.

20. Lemah urat saraf, atau aduan atau kelemahan lain, timbul daripada atau berhubung dengan perhubungan seks.
-

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 290****AKTA UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) 1956**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A84	Akta (Pindaan) (Iklan dan Jualan) Ubat 1971	24-09-1971
P.U. (A) 400/1975	Perintah (Perluasan) Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan) 1975	01-01-1976
Akta A333	Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) 1976	01-07-1977
Akta A481	Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) 1980	01-03-1980
P.U. (A) 134/1980	Perintah Ubat (Iklan dan Penjualan) 1980	16-05-1980
Akta A778	Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) 1990	31-08-1990

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 290

#### AKTA UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) 1956

##### SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	P.U. (A) 400/1975 Akta A481 Akta A778	01-01-1976 01-03-1980 31-08-1990
3	Akta A84 P.U. (A) 400/1975 Akta A481 Akta A778	24-09-1971 01-01-1976 01-03-1980 31-08-1990
4A	Akta A84 Akta A481 Akta A778	24-09-1971 01-03-1980 31-08-1990
4B	Akta A333 Akta A778	01-07-1977 31-08-1990
5	Akta A84 P.U. (A) 400/1975 Akta A333 Akta A481	24-09-1971 01-01-1976 01-07-1977 01-03-1980
6	P.U. (A) 400/1975	01-01-1976
6A	Akta A481 Akta A778	01-03-1980 31-08-1990
6B	Akta A481 Akta A778	01-03-1980 31-08-1990
6C	Akta A481	01-03-1980
6D	Akta A481	01-03-1980
6E	Akta A481	01-03-1980

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
6F	Akta A481 Akta A778	01-03-1980 31-08-1990
7	Akta A333	01-07-1977
Jadual	Akta A481 P.U. (A) 134/1980	01-03-1980 16-05-1980

---

